




# **Majlis** **Pengisytiharan Nama** **dan Pelancaran Logo** Universiti Malaysia PAHANG

Disempurnakan oleh  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN PAHANG

1 April 2007 (Ahad) Bersamaan 13 Rabiulawal 1428 Hijrah  
Hotel Marriott Putrajaya

# Daulat Tuanku



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN PAHANG**  
**Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum**  
**Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah**

DKP, DK., DKM., SSAP, SIMP, DMN., DK (Perak)., DK (Johor).,  
DK (Kelantan)., DK (Terengganu)., DK (Perlis)., DK (Kedah).,  
DKMB., DK (Brunei).,DK (Negeri Sembilan)., DK (Selangor).,  
Qiladah Badr Al-Kubra (Saudi Arabia)., Qiladah Al-Sheikh  
Mubarak Al-Kabir (Kuwait)., Grand Order of The Mugunghwa  
(South Korea)., Hon. D. Litt (Malaya)., LLD. hc. (Northrop USA).



**DULI YANG MAHA MULIA SULTANAH PAHANG**  
Sultanah Hajjah Kalsom, DK.




**KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA  
TENGGU MAHKOTA PAHANG**  
**Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah  
Al-Musta'in Billah**  
DK., SSAP., SIMP., DK (Terengganu)., DK (Johor)., SPMJ.  
Canselor Universiti Malaysia Pahang



**KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA  
TENGGU PUAN PAHANG**  
Tunku Hajjah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti  
Al-Mutawakkil 'Alallah Sultan Iskandar  
DK., DK (Johor)., SPMJ.



**Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia**  
**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak**  
SPMK., SPMS., SPSA., SSAP., SIMP., SPDK., SPNS., DPMS., DSAP., PNBS.



**Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia**  
**Dato' Mustapa bin Mohamed**  
DPMS., SIMP., SJMK.





**Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang**  
**Dato' Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob**  
SSAP, DSAP, DGSM.



# Titah Diraja Tuanku Canselor

Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera.

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT. kerana dengan izin-Nya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah telah berkenan berangkat menyempurnakan Majlis Pengisytiharan Nama dan Pelancaran Logo Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Sebagai Canselor UMP, saya ingin menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Sesungguhnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah banyak berjasa terhadap kewujudan dan kemajuan UMP ini.

Majlis pada hari ini merupakan satu majlis yang amat istimewa dan amat besar ertinya kepada UMP kerana ia menandakan satu era atau dimensi baru dalam pendidikan pengajian tinggi di Malaysia. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada UMP di atas pengisytiharan nama dan logo barunya yang tersendiri. Saya berharap logo baru ini akan dapat memberi suntikan semangat baru kepada semua warga UMP dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Saya penuh yakin bahawa dengan semangat waja seluruh warga Universiti, kita akan mampu menjadikan Pahang khususnya dan Malaysia amnya sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi serantau dan antarabangsa. Malah, saya juga percaya yang UMP akan menjadi sebuah universiti yang sentiasa dihormati dan disegani.

Sebagai sebuah IPTA yang mempelopori ke arah bidang Kejuruteraan dan Teknologi, UMP turut memainkan peranan yang penting dalam membangunkan negeri Pahang. Kewujudannya sebagai sebuah universiti teknikal yang pertama di Pantai Timur dan kedudukannya di negeri Pahang yang kaya dengan sumber asli dan biodiversiti ternyata adalah strategik. Saya yakin dengan adanya kepakaran anak-anak muda di UMP ini akan dapat menjalankan banyak kajian penyelidikan kerana ia adalah merupakan asas kepada kecemerlangan sesebuah universiti. Oleh itu, saya menyarankan agar UMP mempergiatkan usaha-usaha penyelidikan asas (*fundamental research*) dan penyelidikan gunaan (*applied research*) kerana ia secara tidak langsung akan menjadi teladan kepada para pelajar.

Sehingga kini, saya amat berbangga dengan kejayaan dan pencapaian UMP yang telah diperlihatkan sepanjang lima tahun ini dalam bidang penyelidikan, pengajaran, khidmat masyarakat, akademik dan sebagainya. Ini membuktikan bahawa kita semua sedang berusaha menjayakan visi dan misi Universiti. Syabas. Semoga usaha-usaha ini akan memartabatkan lagi usaha kita untuk melihat kejayaan anak bangsa kita pada masa hadapan. Kelebihan yang kita miliki, jika dipergunakan secara optimum, sudah tentu akan dapat menonjolkan imej UMP ke arah yang lebih tersohor.

Harapan saya agar kita dapat meningkatkan kerjasama antara kita dan berganding bahu dalam menguruskan kejayaan yang mewarnai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Saya yakin dengan visi dan misi yang dihayati oleh semua warga UMP yang komited, kemajuan negara akan berkekalan dalam berkat dan rahmat Illahi.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Abdullah Al-Haj  
Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah,  
DK., SSAP., SIMP., DK[Terengganu]., DK[Johor]., SPMJ.,  
Tengku Mahkota Pahang  
Canselor Universiti Malaysia Pahang



# Kata Alu-Aluan

## Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP) di atas pertukaran nama dari Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) kepada UMP bermula pada 1 Februari yang lalu. Tahun ini juga merupakan ulang tahun UMP yang ke-5. Justeru, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang terunggul di Pantai Timur, tentunya harapan besar diberikan oleh masyarakat terhadap perkhidmatan, kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Dalam era globalisasi dunia tanpa sempadan hari ini, UMP akan sentiasa maju ke hadapan dan terus memperbaiki sebarang kepercincangan untuk memastikan proses pembangunan pendidikan teknikal dapat terus berjalan dengan sempurna dan berkesan serta memberi hasil dan pulangan yang lumayan kepada negara. Pelaburan negara dalam bidang pendidikan merupakan satu pelaburan jangka panjang yang pasti mendatangkan keuntungan. Faktor inilah yang mendorong pihak UMP untuk sentiasa meningkatkan kualiti dalam pengurusan bidang Kejuruteraan dan Teknologi.


Usaha UMP untuk memperkasakan bidang pendidikan tidak akan merugikan mana-mana pihak kerana ia adalah selaras dengan kehendak Kerajaan Malaysia yang mahukan semua anak Malaysia berjaya dalam pelajaran walau di mana saja mereka berada. Universiti akan berusaha menyediakan infrastruktur yang diperlukan kerana saya yakin dan malah hari ini juga sudah ada tokoh ilmuan dan saintis dari UMP yang berjaya dan menjadi perhatian terutamanya dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi yang telah menghasilkan produk-produk berinovasi yang mampu memberikan pulangan yang baik kepada negara.

Saya berharap satu masa nanti UMP akan menambah bilangan golongan Jurutera bijak pandai yang hasil inovasinya diguna pakai di dalam dan luar negara. Lembaga Pengarah Universiti akan sentiasa menyokong usaha-usaha bagi memperkasakan keupayaan Universiti mengeluarkan Jurutera berkualiti tinggi ini.

Saya percaya dengan sokongan semua pihak kita akan menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang. Marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah SWT. semoga kita diberi kekuatan untuk terus menyumbang dan mendidik anak bangsa supaya lahir generasi yang berilmu dan dapat terus sama-sama membangunkan negara. Insha Allah

Sekian, terima kasih. Wassalam.

**DATO' MOHD HILMEY BIN MOHD TAIB, DIMP, SMP.**  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang



# Kata Alu-Aluan

## Naib Canselor

Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya panjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT. kerana dengan limpah izin dan rahmat-Nya maka pada hari ini kita diberikan kesempatan untuk bersama-sama hadir dalam majlis yang penuh bermakna bagi kita semua bagi meraikan Majlis Pengisytiharan Nama dan Pelancaran Logo Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Sebagai Naib Canselor yang mewakili seluruh warga kampus UMP, saya mengambil kesempatan ini ingin menyebarkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas perkenan menyempurnakan majlis ini. Sesungguhnya kehadiran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah memberi erti yang besar dan meniupkan semangat kepada kami sekalian.

UMP sedar akan tanggungjawab yang harus dipikulnya, justeru, sejajar dengan visi universiti dan tanpa membelakangkan perancangan strategik yang telah diwartakan, saya yakin kita boleh membina asas yang kukuh ke arah membangunkan sebuah institusi yang berjenama, bertaraf dunia dan menjadi pilihan pertama pelanggan.

Untuk menjadi universiti pilihan pertama pelanggan, UMP mestilah mempunyai daya tarikan yang tidak dipunyai oleh institusi pengajian tinggi (IPT) yang lain. UMP harus mempunyai empat ciri-ciri yang menepati kehendak pelanggan iaitu kualiti program yang ditawarkan, kualiti para pensyarah, kualiti prasarana pengajaran dan pembelajaran dan kualiti persekitaran kampus.

Dalam konteks ini, tanggungjawab semua warga UMP adalah lebih berat dalam usaha untuk melaksanakan cita-cita bersama ini. Dalam melestarikan keupayaan sebagai organisasi tersohor, UMP sentiasa berusaha menzahirkan pembaharuan dan kebaharuannya. Saya percaya UMP akan menjadi tonggak utama dan akan membantu memantapkan lagi pembangunan negeri Pahang. Semoga usaha-usaha seumpama ini akan membuahkan hasil seperti yang dirancang dan seterusnya mendorong kita semua untuk terus berusaha melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat, agama dan negara dengan lebih tinggi lagi.


Universiti di alaf baru akan sentiasa dinamik dan berubah mengikut peredaran zaman. Kecemerlangan masa depan tidak semestinya sama dengan kecemerlangan hari ini. Anjakan paradigma sentiasa berlaku dan akan ketinggalanlah jika kita semua hanya menjadi pemerhati kepada kemajuan dan peredaran zaman, sedangkan perubahan sentiasa melintasi kita. Oleh itu, marilah kita bersama meningkatkan usaha kita untuk memainkan peranan masing-masing supaya kelak kita berupaya meningkatkan imej kita sendiri dan juga UMP ke arah melahirkan insan yang berkualiti dan seimbang.

Akhir kata, syabas saya ucapkan kepada seluruh warga UMP yang telah bekerja keras bagi menjayakan majlis ini. Sekalung penghargaan juga kepada dif-dif jemputan dan hadirin yang dapat meluangkan masa untuk hadir demi memeriahkan majlis kami ini.

Teruskanlah membangunkan dan memajukan UMP. Tahniah untuk Universiti Malaysia Pahang.

Sekian, wassalam.

**Profesor Dato' Dr. Mohamed Said bin Mat Lela, DIMP, SMP,  
Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang**



# Atur Cara

|            |   |   |   |   |
|------------|---|---|---|---|
| 7:45 malam | : | Ketibaan Dif-Dif Jemputan   | : | Titah Diraja Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tuanku Canselor Universiti Malaysia Pahang  |
| 7:50 malam | : | Ketibaan Yang Hormat Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang, Profesor Dato' Dr. Mohamed Said bin Mat Lela dan isteri  | : | Titah Pengisytiharan Nama dan Pelancaran Logo Universiti Malaysia Pahang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang  |
| 7:55 malam | : | Ketibaan Yang Berbahagia Dato' Mohd Hilmey bin Mohd. Taib, Pengerusi, Lembaga Pengarah Universiti dan Isteri  | : | Persembahan Multimedia  |
| 8:00 malam | : | Ketibaan Naib-Naib Canselor Universiti-Universiti   | : | Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang diiringi Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tuanku Canselor Universiti Malaysia Pahang, dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang Berangkat Meninggalkan Majlis |
| 8:05 malam | : | Ketibaan Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia dan Isteri  | : | Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Isteri Meninggalkan Majlis  |
| 8:10 malam | : | Ketibaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Isteri  | : | Yang Amat Mulia Tengku Muda Pahang dan Yang Amat Berbahagia Cik Puan Muda Pahang Berangkat Meninggalkan Majlis  |
| 8:15 malam | : | Ketibaan Yang Amat Mulia Tengku Muda Pahang dan Yang Amat Berbahagia Cik Puan Muda Pahang   | : | Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Isteri Meninggalkan Majlis   |
| 8:20 malam | : | Ketibaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Isteri   | : | Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia dan Isteri Meninggalkan Majlis   |
| 8:25 malam | : | Keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tuanku Canselor Universiti Malaysia Pahang dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang | : | Dif-Dif Jemputan Meninggalkan Majlis  |
| 8:30 malam | : | Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang  | : | Majlis Bersurai   |
|            | : | Lagu "Allah Selamatkan Sultan Kami"   |   |   |
|            | : | Bacaan Doa oleh Ustaz Zuridan bin Mohd. Daud Pengarah, Pusat Islam & Pembangunan Insan  |   |   |
|            | : | Majlis Santapan/Jamuan Malam  |   |   |
|            | : | Persembahan Kebudayaan  |   |   |
|            | : | Persembahan Ucapan Alu-Aluan Yang Hormat Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang, Profesor Dato' Dr. Mohamed Said bin Mat Lela                                       |   |   |
|            | : | Persembahan Ucapan Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia   |   |   |

# Latar Belakang UMP

## Sejarah Awal Penubuhan

Pada 24 Februari 1998, Menteri Pendidikan ketika itu iaitu YB. Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Universiti Teknologi Malaysia Kampus Cawangan Pahang (UTM-KCP) sebagai asas bagi penubuhan Universiti Pahang. Dengan persetujuan tersebut, satu kertas Memorandum Jemaah Menteri telah disediakan dan telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri pada 25 Ogos 1999.

Dalam pembentangan Bajet Rancangan Malaysia Ke-8, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan penubuhan empat buah universiti baru di Perlis, Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang. UTM-KCP telah dikenal pasti untuk menerajui penubuhan universiti di Pahang. Selaras dengan ini, satu kertas Memorandum Jemaah Menteri telah disediakan dan telah mendapat kelulusan bagi penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) pada 26 Jun 2001.

Tujuan utama KUKTEM ditubuhkan ialah untuk menambah bilangan tempat pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dalam bidang Sains, Kejuruteraan dan Teknologi.

Berikut disertakan bilangan pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama di IPTA.

Jadual 1: Bilangan Pelajar di IPTA mengikut bidang.

| Bidang           | 2001   | 2005   |
|------------------|--------|--------|
| Sastera          | 87,482 | 93,633 |
| Sains            | 58,029 | 69,490 |
| - Sains Komputer | 17,276 | 19,160 |
| Teknikal         | 37,138 | 44,790 |
| - Kejuruteraan   | 31,475 | 36,202 |

Hasrat Kementerian ialah untuk menambah bilangan pelajar bidang Sains dan Teknikal supaya nisbah sastera kepada Sains dan Teknikal disasarkan pada 40:60 dengan jumlah enrolmen pelajar ijazah pertama pada 360,000 orang menjelang tahun 2010. Ini memerlukan sebanyak 216,000 tempat bagi bidang Sains dan Teknikal berbanding yang ada iaitu sekitar 115,000 tempat.

Setelah KUKTEM beroperasi selama empat tahun, beberapa isu negatif telah timbul yang membabitkan gelaran Kolej Universiti. Untuk mengatasi perkara ini, Jawatankuasa Timbalan Rektor (Akademik & Antarabangsa) Kolej Universiti Awam telah menyediakan satu kertas Memorandum Jemaah Menteri yang bertajuk "Penukaran Nama Kolej Universiti Awam kepada Universiti Awam". Pada 20 September 2006, Jemaah Menteri telah meluluskan pertukaran nama KUKTEM kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP).

## Latar Belakang

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bermula dengan Universiti Teknologi Malaysia Kampus Cawangan Pahang (UTM-KCP) yang beroperasi di sebuah kampus yang terletak di Bandar Indera Mahkota, Kuantan sejak tahun 1999. Penubuhan Universiti ini adalah hasil daripada cetusan idea YAB Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak yang pada ketika itu memegang jawatan sebagai Menteri Pendidikan Malaysia.

Hasil daripada usaha gigih beliau, Jemaah Menteri pada 26 Jun 2001 telah membuat keputusan untuk menubuhkan sebuah Universiti Teknikal Awam yang berasaskan kemahiran di Negeri Pahang Darul Makmur dan dinamakan sebagai KUKTEM. KUKTEM adalah sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang ke-16 yang diwartakan pada 16 Februari 2002 dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Atas arahan Kementerian Pendidikan, kampus UTM-KCP telah diambil alih dan dijadikan kampus sementara KUKTEM pada 1 Mei 2002 dan memulakan Sesi Akademik 2002/2003 dengan mengambil seramai 313 orang pelajar pada 30 Mei 2002.

Pada peringkat permulaan, KUKTEM telah menawarkan program dalam bidang Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli dan juga Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian.

Bagi menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat, KUKTEM telah berpindah ke kampus sementara yang lebih besar dan kondusif di Bandar MEC, Gambang pada 24 April 2003. Kampus yang terletak kira-kira 30 kilometer dari pusat Bandar Kuantan ini mempunyai keluasan 65,000 meter persegi dan terletak di lokasi strategik yang berhampiran dengan Lebuhraya Pantai Timur, zon perindustrian kimia, petrokimia, pembuatan, automotif dan juga bioteknologi bagi Negeri Pahang Darul Makmur. Pembangunan kampus tetap Universiti ini yang terletak di Mukim Kuala Pahang sedang dalam pembinaan. Kampus seluas 745 ekar itu boleh menampung sehingga 20,000 orang pelajar.

Setelah lima tahun beroperasi, pihak Kerajaan Malaysia telah mengumumkan pertukaran nama KUKTEM kepada UMP berkuat kuasa mulai 1 Februari 2007. Dengan pertukaran ini, nama KUKTEM kini dikenali sebagai UMP. Walaupun telah bertukar nama, bidang fokus utama universiti dan program pengajian serta enrolmen tidak berubah mengikut matlamat tujuan penubuhannya iaitu mencapai 10,000 hingga 15,000 orang pelajar. UMP turut mengekalkan bidang-bidang fokus sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.

Tujuan utama penubuhan UMP ini ialah untuk menerajui pembangunan sumber manusia dan teknologi dalam bidang yang berkaitan dengan:

- Industri Kimia dan Petrokimia serta Sumber Asli;
- Industri Pembuatan dan Proses

### Konsep dan Ciri-Ciri Utama

Kerajaan menubuhkan beberapa kolej universiti teknikal yang sepatutnya menawarkan program pengajian yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- Berdasarkan ilmu yang praktis;
- Berteraskangunaan dan kemahiran (*applied and skilled*);
- Menitikberatkan komponen yang mengintegrasikan teori dan amali (*teaching factory*);
- Melibatkan pembelajaran secara aktif (*experiential and action learning*);
- Menekankan penyelesaian masalah teknikal di peringkat industri (*task oriented and problem solving*); dan
- Mengamalkan budaya kerja (*work culture*) cemerlang.

UMP ditubuhkan bagi menerajui pembangunan modal insan dalam bidang Kejuruteraan dan Teknologi. Bagi mencapai tujuan ini, empat Produk Teras telah ditetapkan iaitu Pengetahuan Teknikal, Kemahiran Teknikal, *Soft Skills* dan Kemahiran Keusahawanan. Nisbah teori berbanding kemahiran praktikal yang ditawarkan di universiti ini ialah 60:40. Di universiti ini, pelaksanaan konsep praktis diperkayakan lagi dengan penerapan kaedah kilang pengajaran (*teaching factory*). Ini bermakna – di samping latihan industri – para pelajar didedahkan juga cara menggunakan alat simulasi dan alat bantu mengajar. Konsep praktis ini diperkukuhkan lagi dengan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar (*student centred learning*).

Dalam bidang penyelidikan pula, universiti memberi tumpuan kepada penyelidikan gunaan (*applied research*) dan projek-projek industri (*industrial projects*) dengan industri setempat bagi memperkayakan pengajaran dan pembelajaran (P&P). UMP juga mewujudkan pusat-pusat kecemerlangan sendiri bagi memantapkan kajian dalam bidang berkaitan. Sehingga kini, Universiti telah meraih beberapa kemenangan dalam pameran penyelidikan yang diadakan di dalam negara dan ke peringkat antarabangsa.

### Program Pengajian dan Fakulti

Sehingga kini, UMP menawarkan sebanyak 11 program doktor falsafah, 18 program sarjana, 12 program ijazah sarjana muda, dan lima program diploma. Program-program tersebut ditawarkan oleh lima fakulti berikut:

- Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE);
- Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA);
- Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP);
- Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM); dan
- Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA).

Di samping lima fakulti tersebut, UMP juga mempunyai empat buah pusat kecemerlangan iaitu Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Pusat Pengajian Siswazah (PPS), Pusat Pengajian Berterusan & Pengajian Profesional (CENFED), dan Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi (PPPT).

# Misi Korporat

## VISI

Menjadi universiti teknikal berteraskan kompetensi bertaraf dunia.

## MISI

Kami menyediakan pendidikan teknikal berkualiti tinggi melangkaui kehendak pihak berkepentingan dengan menawarkan program akademik yang cemerlang melalui persekitaran kondusif bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi.

## FALSAFAH

Ilmu adalah amanah Allah kepada manusia -- sebagai khalifah di bumi -- untuk dimanfaatkan. Penekanan terhadap ilmu gunaan dan aplikasinya -- yang dimiliki oleh peribadi contoh -- berupaya melahirkan insan yang akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

## NILAI TERAS

- Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.
- Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati.
- Kreatif dan bijaksana dalam membuat keputusan.
- Cekal dalam menghadapi cabaran.
- Proaktif dalam tindakan.



# Kronologi Penubuhan

## Universiti Malaysia Pahang

### 1998

- 24 Februari 1998 - Menteri Pendidikan YB. Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Universiti Teknologi Malaysia Kampus Cawangan Pahang (UTM-KCP) sebagai asas bagi penubuhan Universiti Pahang.
- 1 Ogos 1998 - Profesor Dr. Mortaza Mohamed dilantik sebagai Pengarah Kampus UTM-KCP yang mengetuai tenaga penggerak.
- 15 Oktober 1998 - Pejabat Pentadbiran mula beroperasi.
- 2 November 1998 - Perpindahan staf UTM-KCP ke Bandar Indera Mahkota, Kuantan.
- 9 November 1998 - Kohort pelajar pertama mula melapor diri di UTM-KCP.
- 11 November 1998 - Encik Wan Abdul Rashid Wan Abdul Rahman dilantik Ketua Pentadbiran tenaga penggerak UTM-KCP.
- 16 November 1998 - Sesi Akademik 1998/1999 bermula di Kampus Bandar Indera Mahkota.

### 1999

- 25 Ogos 1999 - Jemaah Menteri telah meluluskan kertas kerja penubuhan UTM-KCP.
- 27 November 1999 - Upacara Pengisytiharan Tapak UTM-KCP oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang.

### 2001

- 26 Jun 2001 - Jemaah Menteri meluluskan penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) di negeri Pahang.
- 16 November 2001 - Pelantikan Profesor Dr. Abu Azam Md. Yassin sebagai Rektor pertama KUKTEM.
- 1 Disember 2001 - Pelantikan Profesor Dr. Mortaza Mohamed sebagai Timbalan Rektor (Akademik) KUKTEM.
- 1 Disember 2001 - Opsyen 60 orang staf UTM-KCP ke KUKTEM.

### 2002

- 4 Februari 2002 - Menteri Pendidikan, YB. Tan Sri Musa Mohamed meluluskan kampus UTM-KCP dinaikkan taraf sebagai kampus sementara KUKTEM.
- 5 April 2002 - Penubuhan Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber asli, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik, Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam.

- Diluluskan enam Program Ijazah Sarjana Muda dan lima Program Diploma.
- 16 Februari 2002 - Pemerbadanan KUKTEM oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail melalui gazet Perintah Pemerbadanan P.U.(A) 422 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.
- 1 Mei 2002 - KUKTEM mengambil alih Kampus UTM-KCP di Bandar Indera Mahkota, Kuantan secara rasmi sebagai kampus semmentaranya.
- 30 Mei 2002 - Pengambilan pertama pelajar KUKTEM seramai 313 orang.
- 2 November 2002 - Majlis Upacara Perletakan Batu Asas di Kuala Pahang, Pekan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang.
- 1 Disember 2002 - Opsyen 60 orang staf UTM-KCP ke KUKTEM.
- 15 Disember 2002 - Pelantikan Y.M. Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti yang pertama.

### 2003

- 13 Mac 2003 - Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti kali pertama di KUKTEM.
- 1 April 2003 - Pelantikan Tuan Haji Mohd. Ghani Salleh sebagai Pendaftar KUKTEM yang pertama.
- 24 April 2003 - Perpindahan kampus KUKTEM dari Bandar Indera Mahkota ke kampus sementara di Bandar MEC Gambang.
- 1 Ogos 2003 - Finalis Anugerah *Asia Pacific ICT Awards* (APICTA) dalam kategori Pendidikan dan Latihan Terbaik.
- 18 Disember 2003 - KUKTEM merupakan universiti awam pertama di Malaysia yang memperoleh Anugerah Perdana Teknologi Maklumat (APTM) dalam Sektor Awam. Aplikasi *e-Management* yang dibangunkan oleh universiti telah berjaya meraih anugerah.

### 2004

- 1 September 2004 - Penubuhan Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED).
- 20 - 26 September 2004 - Universiti mendapat penghormatan mewakili Malaysia dalam Pertandingan *e-Asia Awards* 2004 di Taipei, Taiwan.
- 18 Oktober 2004 - Kolej Universiti IPTA pertama menerima penganugerahan Status MSC daripada Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC).



## 2005

- 16 Januari 2005 - Pelantikan Profesor Dr. Mohamed Said Mat Lela sebagai Rektor KUKTEM yang kedua menggantikan YH. Profesor Dato' Dr. Abu Azam Md. Yassin.
- 19 - 21 Mei 2005 - Penyertaan sulung Universiti dalam Pameran Penyelidikan ITEX 2005 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Universiti berjaya mencapai kejayaan seratus peratus dengan meraih satu pingat perak dan satu pingat gangsa.
- 16 Ogos 2005 - Pelantikan Tuan Haji Sa'udi Haji Ahmad sebagai Pendaftar KUKTEM yang kedua bagi menggantikan Tuan Haji Mohd. Ghani Salleh.
- 18 Ogos 2005 - Kejayaan Universiti meraih satu pingat emas, satu pingat perak dan dua pingat gangsa dalam Pameran Bioteknologi Asia 2005 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Kesemua projek telah berjaya meraih pingat.
- 2 Oktober 2005 - Kejayaan Universiti meraih dua pingat emas, lima pingat perak, empat pingat gangsa dan *Best Booth Award (Shell Scheme Category)* dalam Pameran R&D IPTA 2005 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.
- 25 Oktober 2005 - Universiti berjaya memperoleh Persijilan MS ISO 9001:2000 bagi skop latihan luaran oleh SIRIM QAS International Berhad.
- 15 Disember 2005 - Pelantikan Profesor Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz sebagai Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi) KUKTEM.

## 2006

- 6 Februari 2006 - Universiti bekerjasama dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang bagi membangunkan Portal Kesultanan Pahang. Portal ini memaparkan sejarah Kesultanan Pahang dan yang pertama di negeri Pahang.
- 23 - 25 Februari 2006 - Kejayaan Universiti meraih lima pingat perak, satu gangsa dan *3rd Best Booth Award* dalam Ekspo Teknologi Malaysia 2006 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.
- 1 April 2006 - Pelantikan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah sebagai Canselor KUKTEM
- 12 Ogos 2006 - Istiadat Pemasyhurannya Canselor & Majlis Konvokesyen Pertama KUKTEM di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang.
- 20 September 2006 - Jemaah Menteri telah meluluskan pertukaran nama KUKTEM kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP).

## 2007

- 1 Februari 2007 - Perintah Permerbadanan Universiti Malaysia Pahang (UMP) P.U.(A) 35/2007
- 1 Februari 2007 - Pelantikan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah sebagai Canselor UMP.
- 1 Februari 2007 - Opsyen 534 orang staf KUKTEM ke UMP.
- 13 Februari 2007 - UMP merupakan IPTA pertama peroleh Sijil Piawaian Pelaksanaan Keselamatan & Kesihatan Pekerja OHSAS 18001:1999 di bawah skop Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan bagi Makmal (*OSH Management System for Laboratory*) daripada Institut Keselamatan & Kesihatan Pekerja (NIOSH) di bawah kelolaan Niosh Certification Sdn. Bhd. (NCSB).
- 1 April 2007 - Pengisytiharan Nama dan Pelancaran Logo UMP oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang di Hotel Marriot Putrajaya.

2006  
1999 2004  
1998 2000  
2002 2005  
2001 2003

# 2007

UTM  
KUKTEM

# UMP



# Ahli Jawatankuasa

## **Penaung**

YH. Profesor Dato' Dr. Mohamed Said bin Mat Lela

## **Pengerusi**

Profesor Dr. Sabarudin bin Mohd.

## **Bendahari**

Cik Hasnizam binti Mohamed @ Kasim

## **Setiausaha**

Puan Suhaida binti Sulaiman

## **Jawatankuasa Penginapan & Tempat**

Cik Siti Airin binti Abdul Ghani

## **Jawatankuasa Jemputan**

Encik Mohamed Azmi bin Ramli  
Cik Arniza binti Mohamad Arshad

## **Jawatankuasa Sambutan, Protokol & Event Manager**

Encik Imaduddin bin Abidin  
Encik Jamal Rizal bin Razali  
Encik Arman bin A. Rahim

## **Jawatankuasa Penerbitan**

Cik Safriza binti Baharuddin  
Encik Wan Nazrul Helmy bin Wan Mohd Zain  
Puan Mimi Rabita binti Abdul Wahit  
Encik Noor Azhar bin Abd Rasid  
Cik Hafizatul Azlin binti Abd Aziz

## **Jawatankuasa Gimik**

Profesor Madya Dr. Rosli bin Abu Bakar  
Encik Badarudin bin Muhammad  
Abd. Latip bin Hj. Idris  
Wong Hong Mun

## **Jawatankuasa Multimedia**

Encik Mohamad Idris bin Ali  
Encik Arman bin A. Rahim  
Encik Wan Azlee bin Haji Wan Abdullah  
Encik Mohd Ayeob bin Abdul Rashid

## **Jawatankuasa Persembahan**

Encik Wan Abdul Rashid bin Wan Abdul Rahman  
Encik Mohd Zaki bin Ahmad

## **Jawatankuasa Logistik & Peralatan**

Encik Mohd Raizalhilmy bin Mohd Rais

## **Jawatankuasa Cenderahati**

Encik Abdul Shukur bin Ishak  
Encik Mohd. Rozmillah Othman

## **Jawatankuasa Promosi & Publisiti**

Puan Nadzariah binti Mohamed  
Puan Fahidayati binti Ramli

## **Jawatankuasa Teks Ucapan**

Tuan Haji Samsudin bin Abdullah  
Puan Aini binti Ahmad  
Cik Hafizoah binti Kassim  
Puan Zarina binti Mohd. Ali

## **Jawatankuasa Fotografi & Videografi**

Encik Abd Rahman bin Haji Shafie  
Encik Khairu Aidilnisha bin Rizan Jalil

## **Jawatankuasa Keselamatan**

Encik Mohd Samsuddin bin Ab Karim

## **Pembaca Doa**

Ustaz Zuridan bin Mohd. Daud

## **Pengacara Majlis**

Encik Wan Nazrul Helmy bin Wan Mohd Zain

# Menjunjung Kasih Sekalung Penghargaan

Universiti Malaysia Pahang (UMP)  
menyembah ucapan setinggi-tinggi  
junjung kasih  
di atas limpah perkenan

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN PAHANG**  
**Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum**  
**Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah**  
DKP., DK., DKM., SSAP., SIMP., DMN., DK (Perak)., DK (Johor)., DK  
(Kelantan)., DK (Terengganu)., DK (Perlis)., DK (Kedah)., DKMB., DK  
(Brunei).,DK (Negeri Sembilan)., DK (Selangor)., Qiladah Badr Al-Kubra  
(Saudi Arabia)., Qiladah Al-Sheikh Mubarak Al-Kabir (Kuwait)., Grand Order  
of The Mugunghwa (South Korea)., Hon. D. Litt (Malaya).,  
LLD. hc. (Northrop USA).

dan

**KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA**  
**TENGGU MAHKOTA PAHANG**  
**Tengku Abdullah A-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah**  
**Al-Musta'in Billah**  
DK., SSAP., SIMP., DK (Terengganu)., DK (Johor)., SPMJ.  
Canselor Universiti Malaysia Pahang

berangkat menyempurnakan  
Majlis Pengisytiharan Nama dan Pelancaran Logo  
Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan sukacitanya merakamkan ucapan  
setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

**Pejabat KDYMM Sultan Pahang**  
**Pejabat KDYTM Tuanku Canselor UMP**  
**Pejabat Timbalan Perdana Menteri Malaysia**  
**Pejabat Menteri Pengajian Tinggi Malaysia**  
**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang**  
**Semua Warga UMP**

dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak  
langsung dalam menjayakan majlis ini.

Konsep dan Reka Bentuk:

**Unit Penerbitan, Multimedia dan Dokumentasi**  
**Bahagian Perhubungan Awam & Perkhidmatan Korporat**  
Universiti Malaysia Pahang  
Karung Berkunci 12  
25000 Kuantan  
Pahang Darul Makmur  
Tel: 609-549 2020  
Faks: 609-549 2222  
Laman Web: [www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my)  
E-mel: [pro@ump.edu.my](mailto:pro@ump.edu.my)



MS ISO 9001 : 2000 REG. NO. AR3811



Status Institution



**OHSAS 18001:1999**  
Cert. No: 0-003/07